

# Persidangan NaCSES 07 capai matlamat

Kerajaan negeri salur  
peruntukan RM30,000

■ KHAIRULMIZAN YAHYA

**KUANTAN** - Sebanyak 95 kertas kerja termasuk 19 dari luar negara telah dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian 2007 (NaCSES'07) yang berakhir semalam.

Persidangan yang berlangsung selama dua hari di Hotel The Legend Resort, Cherating, di sini, merupakan anjuran kali pertama Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKKP).

Menurut Pemangku  
Dekan FSKKP, Prof. Dr.  
Abdullah Embong, per-  
sidangan itu bertujuan un-

tuk membawa para pe-  
nyelidik dan pengamal  
dalam bidang kejuruteraan  
perisian serta teknologi  
maklumat dan komuni-  
kasi (ICT) ke negeri  
Pahang bagi membentangkan  
hasil penyelidikan me-  
reka dan berkongsi per-  
kembangan terbaru dalam  
bidang tersebut.

"Aplikasi ICT dalam bi-  
dang Industri Bioteknologi,  
Pembuatan dan Automotif

merupakan tema yang di-  
pilih bagi persidangan ini  
kerana ia sejajar dengan  
matlamat kerajaan negeri  
yang memberi tumpuan  
kepada industri-industri  
berkenaan," jelasnya ke-  
tika berucap di majlis pe-  
rasmian persidangan itu  
baru-baru ini.

Sementara itu, Naib  
Canselor UMP, Prof. Datuk  
Dr. Mohamed Said Mat  
Lela, dalam ucapannya  
memberitahu, kerajaan ne-  
geri telah menyalurkan  
peruntukkan sebanyak  
RM30, 000 untuk men-  
jayakan persidangan ter-

babit.

"Usaha penyelidikan  
perlu dilaksanakan secara  
berterusan dan merupakan  
satu a genda penting yang  
perlu dilaksanakan oleh se-  
tiap penyelidik selain dari-  
pada bidang pengajaran.

"Perjumpaan berilmiah

seperti ini bertepatan de-  
ngan arus pengedaran tek-  
nologi maklumat yang se-  
dang berkembang pesat  
dan mampu memper-  
tingkatkan dan mem-  
praktikkan teknologi baru  
dalam sektor-sektor ber-  
kenaan," jelasnya.



Mohammad (kanan) menyampaikan cenderahati kepada Abdullah ketika majlis perasmian NaCSES'07

**“Usaha penyelidikan perlu dilaksanakan secara berterusan dan merupakan satu a genda penting yang perlu dilaksanakan oleh setiap penyelidik selain daripada bidang pengajaran.”**

■ Datuk Dr. Mohamed Mat Lela Said